

DATE: 25/11/2009

Banyak syarikat besar minat labur

Malaysia sasar ^{BH-25/11/09} pengurus dana AS: Najib

Mahfar Ali
New York



DATUK Seri Najib Razak semalam membayangkan lebih banyak syarikat besar akan disenaraikan di Bursa Malaysia bagi menjadikan pasaran modal negara lebih menarik dalam usaha menggalakkan kemasukan lebih banyak pelabur asing, terutama pengurus dana dari Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri berkata, kekurangan kaunter besar di Bursa Malaysia ketika ini menyebabkan pengurus dana AS kurang berminat memasuki pasaran modal di Malaysia.

"Mereka mahu syarikat besar dan yang mempunyai urus tadbir baik. Misalnya, penyenaian semula Maxis memberikan kesan besar dan mereka menganggapnya sebagai tepat untuk memberi

mereka peluang melabur dalam kaunter besar kerana setengahnya mewakili tabung pencen yang mempunyai dana besar," katanya pada sidang media di hotel penginapannya di sini selepas pertemuan dengan sekumpulan pengurus dana dan ahli korporat AS.

Najib yang dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke AS bermula Ahad lalu, berkata dalam pertemuan itu pengurus dana berkenaan menyenaraikan supaya badan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Bhd dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengurangkan pegangan dalam syarikat besar supaya lebih banyak saham tersedia untuk diurusniagakan di pasaran terbuka.

"Ada juga cadangan lain dikemukakan dan saya akan bincang pada peringkat Majlis Ekonomi Negara. Kita akan mengkaji implikasinya sebelum mengambil tinda-

kan susulan," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menggalakkan penggabungan syarikat untuk disenaraikan di Bursa Malaysia, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, perkara itu juga akan dipertimbangkan.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan berasingan dengan beberapa tokoh perniagaan AS, termasuk Ketua Eksekutif Chelsea Property Group, John Klein; Presiden Enterprise Mobility Solutions (EMS) Motorola Inc, Gene Delaney dan Presiden of Forbes Inc, Steve Forbes.

Beliau juga mengadakan sesi dialog bersama ahli perniagaan AS pada majlis jamuan tengah hari di hotel penginapannya di sini. Hadir sama, Duta Malaysia ke AS, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis.

Pada sesi dialog itu, Perdana Menteri mengambil kesempatan menerangkan langkah terbaru kerajaan, terutama proses pembaharuan



NAJIB berucap kepada tokoh korporat dan pelabur dari Amerika Syarikat di New York.

termasuk dasar liberalisasi dan penambahbaikan yang dilakukan kerajaan bagi menjadikan Malaysia lebih menarik untuk pelabur.

Mengenai pertemuannya dengan Klein, Najib berkata, mereka berbincang perkembangan projek pembinaan pusat jualan terus dari kilang di kawasan pembangunan Iskandar Malaysia, membabitkan usaha sama Chelsea dan Genting Bhd.

Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana Chelsea memilih Malaysia untuk membuka pusat itu yang pertama di Asean kerana ia bukan saja dapat membantu mempromosi industri pelan-

congan negara, malah mewujudkan banyak perniagaan lain termasuk makanan dan hiburan.

Beliau berkata, selain barangan jenama luar negara yang dijual pada harga 25 hingga 60 peratus lebih murah, pusat itu juga akan mempromosikan barangan keluaran syarikat tempatan.

Projek yang dijangka dapat menarik empat juta pengunjung, dijadual bermula Februari depan dan siap pertengahan 2011.

Dalam pertemuannya dengan Forbes pula, Najib berkata, Malaysia sekali lagi diundang untuk menjadi tuan rumah Forbes Global

CEO Conference selepas berjaya menganjurkannya September lalu.

"Forbes amat gembira dengan kejayaan kita mengadakan persidangan itu dan mahu Malaysia sekali lagi menjadi tuan rumah pada 2011. Kita secara prinsip menerima pelawaan itu," katanya yang pada malamnya mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Malaysia di sini.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, berlepas ke Washington hari ini sebelum ke Trinidad dan Tobago untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Kommanwel.